

11/10/1997

Ahli Nafas diarah tingkat pengeluaran

KUANTAN, Jumaat - Seramai 600,000 ahli Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) diarahkan terus berusaha meningkatkan pengeluaran makanan negara, walaupun nilai ringgit jatuh.

Justeru, semua ahli Nafas diminta tidak terpengaruh dengan sebarang dakyah jahat daripada pihak luar yang cuba mempengaruhi masyarakat bagi menggugat perpaduan.

Pengerusinya, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman, berkata setakat ini, belum ada ahlinya yang terbabit sehingga menjejaskan kedudukan pertubuhan.

Bagaimanapun, menurutnya, jika masyarakat umum masih mengagung-agung pengaruh luar, pasti akan memburukkan lagi keadaan.

"Berikutan itu, kami menyokong penuh dan berdiri teguh di belakang kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menghadapi gejala luar terhadap ekonomi dan pembangunan.

"Kami berharap ahli Nafas berusaha meningkatkan pengeluaran makanan bersesuaian dengan tema Hari Peladang `Bersama meningkatkan hasil pertanian serta membendung inflasi'," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

(END)